

Najib umum pembentukan jawatankuasa khas ekonomi
The Malaysian Insider
August 25, 2015
Oleh Mohd Farhan Darwis

Menyedari ketidaktentuan dan cabaran ekonomi yang dihadapi negara hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pembentukan jawatankuasa khas ekonomi bagi menangani isu tersebut.

Berucap merasmikan Persidangan Percukaian Nasional di Kuala Lumpur hari ini, Najib berkata, penubuhan jawatankuasa itu juga akan memastikan perkembangan ekonomi yang berterusan untuk Malaysia.

"Perkembangan ekonomi kita sejak beberapa tahun lalu agak kukuh dan kerajaan bertekad untuk memastikan rekod ini berterusan.

"Dengan objektif ini, saya ingin memaklumkan kerajaan akan mengumumkan pembentukan jawatankuasa khas ekonomi.

"Objektif jawatankuasa ini adalah untuk memastikan momentum perkembangan ekonomi akan berterusan dan mampu menghasilkan kualiti hidup yang lebih tinggi untuk semua rakyat Malaysia dalam situasi semasa yang tidak menentu dan mencabar," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, maklumat lanjut berhubung jawatankuasa berkenaan akan diumumkan kemudian.

"Saya menyedari situasi ekonomi domestik dan global, termasuk perkembangan kewangan dan sentimennya," kata Najib yang juga menteri kewangan.

Dalam ucapannya, beliau turut berkata, Malaysia kini berdepan beberapa cabaran meningkatkan hasil negara.

"Cabaran itu termasuklah ketidaktentuan kewangan global dan ekonomi termasuk kejatuhan harga petroleum dan komoditi lain," katanya.

Beliau bagaimanapun menegaskan, asas ekonomi negara masih kukuh.

"Kita merekodkan perkembangan 4.9% dalam suku kedua 2015, kita juga mempelbagaikan ekonomi, menjadikannya lebih kukuh."

Beliau turut menekankan, sistem kewangan negara masih utuh dengan pasaran kewangan domestik kekal berfungsi seperti biasa. – 25 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-umum-pembentukan-jawatankuasa-khas-ekonomi>